KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Jasa, legasi Abdul Wahab Alwi dalam penubuhan MRSM terus terpahat - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/454f5c5z

Jasa, Legasi Abdul Wahab Alwi Dalam Penubuhan MRSM Terus Terpahat - Ahmad Zahid

Local | Politics 25 Aug 2026 • 11:52 PM MYT

Siakap Keli
We're a fast growing company with over 20 million page views per month.



KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Jasa dan sumbangan besar bekas Pengarah Bahagian Latihan MARA Allahyarham Abdul Wahab Alwi dalam mencetuskan idea penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) akan terus terpahat dalam sejarah pendidikan negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata Allahyarham merupakan antara tokoh penting di sebalik cetusan idea dan penubuhan MRSM.

"Daripada sebuah idea yang diperjuangkan dengan penuh kesungguhan, lahirlah sebuah institusi yang sehingga hari ini terus membuka peluang pendidikan dan membentuk masa depan anak-anak bangsa," katanya menerusi catatan di Facebook malam ini.

Abdul Wahab meninggal dunia 3 pagi tadi pada usia 84 tahun.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Bernama
TAJUK	Jasa, legasi Abdul Wahab Alwi dalam penubuhan MRSM terus terpahat - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/yeyk5vjx

Jasa, Legasi Abdul Wahab Alwi Dalam Penubuhan MRSM Terus Terpahat - Ahmad Zahid

25/08/2026 11:26 PM



kredit: FB Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Jasa dan sumbangan besar bekas Pengarah Bahagian Latihan MARA Allahyarham Abdul Wahab Alwi dalam mencetuskan idea penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) akan terus terpahat dalam sejarah pendidikan negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata Allahyarham merupakan antara tokoh penting di sebalik cetusan idea dan penubuhan MRSM.

"Daripada sebuah idea yang diperjuangkan dengan penuh kesungguhan, lahirlah sebuah institusi yang sehingga hari ini terus membuka peluang pendidikan dan membentuk masa depan anak-anak bangsa," katanya menerusi catatan di Facebook malam ini.

Abdul Wahab meninggal dunia 3 pagi tadi pada usia 84 tahun.

Berkongsi lebih lanjut, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata Abdul Wahab bersama pasukannya telah menyediakan kertas cadangan serta berusaha mendapatkan sokongan sehingga penubuhan MRSM diluluskan pada 1970.

Beliau berkata Allahyarham kemudiannya turut memainkan peranan dalam pemilihan tenaga pengajar dan pengetua bagi MRSM Seremban, Negeri Sembilan iaitu MRSM pertama negara pada 1972.

Ahmad Zahid turut mengucapkan takziah kepada keluarga Abdul Wahab dan mendoakan agar roh Allahyarham dicucuri rahmat serta ditempatkan dalam kalangan hamba-Nya yang beriman, selain mengharapkan mereka diberikan kekuatan dan ketabahan menghadapi ujian kehilangan itu.

-- BERNAMA

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Metro Ahad
TAJUK	Jasa, legasi Abdul Wahab dalam penubuhan MRSM terus terpahat
PAUTAN	https://tinyurl.com/39hmjt29

Jasa, legasi Abdul Wahab dalam penubuhan MRSM terus terpahat

BERNAMA



FOTO FB Zahid Hamidi

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

Kuala Lumpur: Jasa dan sumbangan besar bekas Pengarah Bahagian Latihan MARA Allahyarham Abdul Wahab Alwi dalam mencetuskan idea penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) akan terus terpahat dalam sejarah pendidikan negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, Allahyarham merupakan antara tokoh penting di sebalik cetusan idea dan penubuhan MRSM.

"Daripada sebuah idea yang diperjuangkan dengan penuh kesungguhan, lahirlah sebuah institusi yang sehingga hari ini terus membuka peluang pendidikan dan membentuk masa depan anak-anak bangsa," katanya menerusi catatan di Facebook malam ini.

Abdul Wahab meninggal dunia 3 pagi tadi pada usia 84 tahun.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	FELCRA Pahang Berhad sumbang Smart TV kepada SMK Damak
PAUTAN	https://tinyurl.com/y3y8bvpv

Felcra Pahang Berhad sumbang Smart TV kepada SMK Damak



MOHD. Haffizee Hussin (depan, dua dari kanan) menyampaikan replika Smart TV wakalah zakat Felcra Pahang Berhad kepada pentadbir sekolah yang turut disaksikan oleh Ahmad Faroq Fauzi (kiri) di Sekolah Menengah Kebangsaan Damak, Jerantut, Pahang baru-baru ini. – utusan/HARIS FADILAH AHMAD

Oleh HARIS FADILAH AHMAD 26 Ogos 2026, 6:35 am

SERAMAI 466 orang pelajar memperoleh kemudahan pembelajaran digital apabila menerima sumbangan Wakalah Zakat 2026 daripada Felcra Pahang Berhad berupa empat buah Smart TV di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Damak, Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) SMK Damak, Ahmad Faroq Fauzi berkata, sumbangan peralatan digital itu telah disempurnakan penyampaiannya oleh Pengurus Felcra Kawasan Jaya Putra, Jerantut, Mohd. Haffizee Hussin yang mewakili Pengarah Felcra Berhad Pahang kepada pentadbir sekolah tersebut.

"Sumbangan zakat dalam bentuk peralatan digital ini cukup signifikan bagi membantu memperkukuh kemudahan pembelajaran sekali gus menyokong usaha melahirkan generasi yang berilmu serta berdaya saing pada masa akan datang.

"Bagi AJK PIBG serta guru sangat mengalukan sumbangan atau bantuan pihak luar dalam usaha memantap aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi membentuk kemenjadian pelajar sekolah ini yang terdiri daripada pelajar Melayu, Cina, India dan Orang Asli," katanya di SMK Damak, Jerantut

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Klasik Nasional FM
TAJUK	TPM bersetuju PAC menubuhkan badan khas untuk menyiasat kes TH
PAUTAN	https://tinyurl.com/mr2an4cp

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	TraXX FM
TAJUK	TH should be conducted by a special body under the Public Accounts Committee or PAC - DPM
PAUTAN	https://tinyurl.com/4yrr2nh7

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 OGOS 2026 (RABU)**	
MEDIA	Guang Ming Daily
TAJUK	Zahid sokong PAC siasat Tabung Haji
PAUTAN	https://tinyurl.com/ymwee8pt

扎希挺公账會查朝聖局

釐清2017年至今管理情况

（吉隆坡25日讯）副首相拿督斯里阿末扎希赞同由国会公共账目委员会，成立特别单位调查朝圣基金局2017年至今的管理情况。

他说，这项调查至关重要，以根据事实真相厘清2017年之后所发生的事，进而能够协助纠正社会对朝圣基金局管理及治理课题的观感。

他指出，在配合全国协商会议（Musyawarah Nasional）举行的“现实与观感：勿将朝圣基金局政治化”论坛，有数名出席的国会议员非正式提出上述建议。

“我认为，应采纳这项建议，以免出现‘敛财’的指控。相反的，国家审计局所发出的无保留意见证书明确显示，已依据其法令对朝圣基金局展开审计，而1995年朝圣基金法令也阐明，负责进行审计的机构是国家审计局。

“公账会应检视这些事项，以根据公众希望知道的事实真相，纠正看法和观感。”

阿末扎希今日出席这场协商会议后对记者这么说。该论坛旨在探讨及厘清朝圣基金局的治理与管理层面，尤其是皇家调查委员会报告所提及的朝圣基金局在2014年至2020年期间的事项。

询及协商会议的每一项提案是否将提呈内阁会议，他表示没必要。



■阿末扎希赞同由国会公共账目委员会，成立特别单位调查朝圣基金局2017年至今的管理情况。

“我认为这方面的事项无需提呈内阁，因为这场论坛旨在作出说明。我认为，国会议员刚才非正式提出的建议，应获优先考虑，尤其是公账会应在本身职责范围内成立调查单位。这比其他方式更为恰当。”

公账會更適合調查 職權明確具法律地位

根据《马新社》报导，针对成立新皇委会的建议，以调查朝圣基金局2017年至今的管理情况，阿末扎希指出，公账会更适合展开这方面的调查，因为该委员会拥有明确的职权。“我认为公账会更适合展开调查，因为公账会本身的职责与责任，已赋予它法律地位。”（TTK）

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Zahid mahu PAC siasat, bukan RCI baharu
PAUTAN	https://tinyurl.com/4vu35zy3



Ahmad Zahid (duduk, tiga dari kanan) bergambar ketika menghadiri program Musyawarah Nasional bertajuk 'Realiti dan Persepsi: Jangan Mempolitikkan Tabung Haji' di Kuala Lumpur pada Selasa.

Zahid mahu PAC siasat, bukan RCI baharu

Lebih sesuai berbanding bawa isu TH ke Kabinet atau tubuh RCI baharu

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

LAPORAN MUKA DEPAN

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) disaran menubuhkan badan khas untuk menyiasat pengurusan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi tempoh selepas 2017 hingga 2025.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, cadangan itu dikemukakan secara tidak formal oleh beberapa ahli Parlimen yang hadir pada program Musyawarah Nasional bertajuk Realiti dan Persepsi: Jangan Mempolitikkan Tabung Haji di Kuala Lumpur pada Selasa.

Menurutnya, ia bertujuan mengupas dan memperjelas aspek tadbir urus serta pengurusan TH terutama perkara dibangkitkan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai TH bagi tempoh 2014 hingga 2020.

Tambah beliau, penubuhan badan penyiasat khas di bawah PAC adalah pendekatan yang lebih sesuai berbanding membawa isu berkenaan ke Kabinet atau menubuhkan RCI baharu.

"Saya tidak fikir ia perlu dibawa ke Kabinet. Forum ini adalah satu wacana intelektual, bukan hanya mengupas tetapi memperjelaskan beberapa aspek tata kelola pengurusan TH.

"Laporan RCI yang dipengerusikan oleh Tun Md Raus Sharif memperlihatkan tiada tuding jari kepada mana-mana individu.

"Pada hemat saya, apa yang disarankan secara tidak formal oleh ahli-ahli Parlimen harus diberikan keutamaan terutama PAC perlu menubuhkan badan penyiasat di bawah tanggungjawabnya sendiri," katanya.

Menurutnya, PAC mempunyai locus standi yang jelas menerusi tugas dan tanggungjawabnya untuk menjalankan penelitian terhadap perkara berkaitan pengurusan kewangan dan tadbir urus.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata, langkah penyiasatan itu penting bagi memastikan dapatan berkaitan pengurusan TH selepas 2017 diperjelaskan secara telus, sekali gus membetulkan persepsi awam berdasarkan realiti dan fakta sebenar.

Mengulas laporan pengauditan TH, Ahmad Zahid menegaskan Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan sijil bersih yang membuktikan pengauditan dilakukan mengikut peruntukan Akta Tabung Haji 1995.

"Tiada tuduhan sakau (penyelewengan), sebaliknya sijil yang dikeluarkan Jabatan Audit Negara secara jelas memperlihatkan sijil bersih telah dikeluarkan.

"Pengauditan yang dilakukan terhadap TH adalah berdasarkan kepada aktanya dan Akta TH menyebut bahawa pihak yang perlu menjalankan pengauditan ialah Jabatan Audit Negara.

"Inilah yang harus dilihat oleh PAC agar perkara ini dapat diperbetulkan dari segi persepsi dan berdasarkan realiti yang mahu diketahui oleh khalayak umum," katanya.

Ditanya sama ada hasil forum berkenaan akan dibawa ke Kabinet, Ahmad Zahid berkata, perkara itu tidak perlu kerana forum berkenaan berperanan sebagai platform penjelasan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	The Star
TAJUK	Zahid backs call for PAC probe into TH
PAUTAN	https://tinyurl.com/3w9sxjhp

Zahid backs call for PAC probe into TH

By NAN HIDAYAT NAN AZMIE
hidayat.azmie@thestar.com.my



Pushing for clarity: Ahmad Zahid attending the Musyawarah Nasional 2.0 forum in Kuala Lumpur. — Bernama

KUALA LUMPUR: The bipartisan parliamentary Public Accounts Committee (PAC) is an appropriate platform to scrutinise the Royal Commission of Inquiry (RCI) report on Tabung Haji (TH), says Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

The Deputy Prime Minister said the PAC was suited to the task in light of calls for a further probe into TH's affairs between 2017 and 2025.

"I think PAC is more suitable to conduct the investigation, as it has a clear mandate and focus," he told reporters after the Musyawarah Nasional 2.0 forum titled "Reality and Perception: Don't Politicise Tabung Haji" yesterday.

Ahmad Zahid, who is Umno president, said this in support of a proposal by several MPs who attended the forum seeking clarification on the RCI findings.

He noted that a further probe into TH's affairs, particularly covering the period after 2017, would help clarify issues raised in the RCI and prevent finger-pointing at individuals.

"There was no pointing of fingers in the RCI report at any individual.

"What has been suggested is that an investigative body be set up to look into the period from 2017 to 2025."

He said the Audit Department's role in auditing TH should also be considered, noting that it had issued a clean audit certificate.

"This is something PAC should look at to clarify between reality and perception," he said.

Perikatan Nasional secretary-general Datuk Seri Takiyuddin Hassan, who attended the forum, called for a fresh RCI into TH's administration and management but agreed to a PAC probe as an alternative.

"Alternatively, we can ask the PAC to review the RCI report and call witnesses.

"These are the two options, either a new RCI or PAC review," he said when met by reporters.

Takiyuddin said Perikatan Nasional MPs would raise the RCI findings during the debates on Budget 2027 in Parliament this October.

Among the issues he cited were alleged discrepancies between an earlier Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) probe into TH Plantation and the RCI's recommendation for forensic audits of several of TH's companies.

Meanwhile, Umno secretary-general Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki said the forum highlighted why Parliament was not informed of TH's efforts to address its weaknesses, including increasing its reserves by RM300 million in 2016.

He said a financial sustainability report that year stated that Bank Negara was satisfied with the proactive measures taken to reduce liquidity and financial risks.

"These facts were not disclosed or highlighted in Parliament.

"This was an attempt to create a perception that the former management of Tabung Haji was deeply flawed," said Asyraf.

He said the issue should be viewed in its proper context to avoid damaging TH's reputation.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 OGOS 2026 (RABU)**	
MEDIA	China Press
TAJUK	Bawa ke mesyuarat Kabinet untuk dibincangkan
PAUTAN	https://tinyurl.com/97mxcfz9

提呈內閣會議討論

法務審計建議

（沙登25日讯）首相拿督斯里安华证实，政府将把针对联邦土地发展局亏损近100亿令吉展开法务审计的建议，提呈下次内阁会议讨论。

“我们会（把展开法务审计的建议）带到内阁讨论。”

他今日出席博大举行的全国先知穆罕默德诞辰庆典后，针对副首相拿督斯里阿末扎希提出的建议，向媒体这么说。

扎希是在本月23日指出，鉴于涉及联土局的问题已持续多年，并造成数十亿令吉损失，仅进行管理审计并不足够。

造成數十億損失

他建议对联土局展开法务审计，以鉴定其管理是否涉及滥用职权、失信或违反治理规范。

另外，安华日前也说，他将等待调查联土局管理问题的特别工作队完整报告，才会作出正式宣布。

他说，特别工作队已经展开工作，预计调查结果会在近期提呈内阁，情况如朝圣基金局皇家调查委员会（RCI）的最终报告一样，会在之后向公众公布。

出席者还有首相夫人拿督斯里旺阿兹莎、国会下议院议长丹斯里佐哈里阿都和首相署（宗教事务）部长祖基菲里哈山。



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Sin Chew Daily
TAJUK	Kabinet akan bincang audit forensik
PAUTAN	https://tinyurl.com/4sjbhnks



熱點

雪州王储东姑阿米尔沙顿马运会最佳男运动员奖座给彭州射击好手谢世弘，安华在旁鼓掌观礼；右一为阿米鲁丁。（安华脸书图）

编辑：彭佩雯

PENYAMPAIAN ANUGERAH
SUKMAXXII SELANGOR 2026
LELAKI TERBAIK
SUKMA XXII SELANGOR 2026
RM5,000.00

安華：聯土局虧損連連

內閣將商法務稽查

（沙登25日讯）首相拿督斯里安华证实，内阁将讨论是否针对面临亏损的联邦土地发展局（FELDA）展开法务稽查。

他受询及副首相拿督斯里阿末扎希昨日建议对联土局展开法务稽查一事作出回应。

“该建议我们将带上内阁（商讨）。”

阿末扎希昨日表示，对于蒙受近100亿令吉亏损的联土局，他建议对此展开法务稽查，从而追究相关责任。

安華祝賀雪鷹總冠

「馬運會辦得有聲有色」

（八打灵再也25日讯）首相拿督斯里安华祝贺雪州大臣拿督斯里阿米鲁丁及雪州政府顺利主办2026年第22届马来西亚运动会，同时祝贺作为东道主的雪州荣膺总冠军。

他表示，本届马运会举办得有声有色，展现雪州有能力以热情和团结的精神，主办国家规模的体育盛会。

他昨晚在脸书发文时向代表雪州苏丹沙拉弗丁出席马运会闭幕典礼的雪州王储东姑阿米尔沙致以深切的谢意。

首相也祝贺来自雪州的7金女泳将陈爱升及彭亨的9金射击手谢世弘当选为本届马运会的最佳女运动员和最佳男运动员。

“祝贺参与本届马运会的运动员、教练、工作人员及秘书处人员。马运会不仅是争夺奖牌的平台，也是发掘运动人才及培养冠军的平台。

“年轻人应继续奋斗，磨练自己的天赋，在上苍保佑下，相信你们当中的一些人有一天将代表大马登上国际舞台。”

回顾40年前曾提创办马运会

首相也在同一则贴文中回顾马运会于40年前推介，而他在1983年担任青年及体育部长期间，曾提出创办马运会的构思。“如今，马运会继续作为一个平台，汇聚来自全国各地及汶莱的年轻人施展他们的天赋、精神和奋斗决心。”

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 OGOS 2026 (RABU)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Tiada bukti kecurian, penyelewengan TH - Madinah
PAUTAN	https://tinyurl.com/5n8u3pws



Madinah dakwa tiada 'sakau'

BEKAS Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad menegaskan tiada sebarang bukti kecurian atau penyelewengan dikesan dalam pengurusan Tabung Haji (TH) sepanjang tempoh beliau menerajui Jabatan Audit Negara dari 2017 hingga 2019.

Menurutnya, setiap pengauditan terhadap TH dibuat berdasarkan piawaian kewangan dan penelitian terhadap bukti yang sah sebelum penyata atau sijil audit dikeluarkan, selain menegaskan sekiranya beliau dan pasukannya menemui bukti kecurian atau penyelewengan, perkara itu pasti akan diketengahkan serta dilaporkan kepada pihak berwajib.

Beliau turut mempersoalkan penggunaan istilah 'sakau' dalam menggambarkan pengurusan TH, dengan menegaskan bahawa dirinya hanya berpijak pada fakta dan bukti serta tidak akan menyembunyikan sebarang penyelewengan sekiranya ia benar-benar ditemui ketika pengauditan dijalankan.

Muka surat 2 & 3

PAC disyorkan tubuh badan penyiasat khas bagi menjalankan siasatan menyeluruh berhubung isu pengurusan TH bagi tempoh selepas tahun 2017 hingga 2025.

Perikatan Nasional gesa kerajaan tubuh RCI baharu siasat pentadbiran, pengurusan TH bermula dari tahun 2018 sehingga kini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 OGOS 2026 (RABU)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Syor audit forensik FELDA rugi RM10b ke Kabinet
PAUTAN	https://tinyurl.com/2vubj2u4



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Pemulihan ekosistem FELDA selamat legasi generasi peneroka
PAUTAN	https://tinyurl.com/5w2dxhx5

Pemulihan ekosistem FELDA selamat legasi generasi peneroka

- FELDA bukan agensi biasa. Sejak penubuhannya, institusi ini menjadi salah satu instrumen pembangunan luar bandar terpenting negara
- Ukuran kepada komitmen kerajaan terhadap FELDA terletak pada tiga perkara, iaitu keberanian membersihkan masalah legasi, kesediaan mendengar masalah akar umbi dan keupayaan memastikan keputusan dilaksanakan dengan cepat



Penolong Naib Canselor, Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Oleh Prof Dr Yarina Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama pengurus FELDA menerusi program Serumpun Sehaluan: Pengurus FELDA 2026 di Bangi pada 21 Ogos lalu memperlihatkan satu pendekatan cukup jelas.

Masalah FELDA tidak boleh lagi dilihat secara terpisah antara pengurusan tertinggi, pengurus di lapangan, peneroka dan kerajaan. Sebaliknya, seluruh ekosistem FELDA perlu dipulihkan secara menyeluruh.

FELDA bukan agensi biasa. Sejak penubuhannya, institusi ini menjadi salah satu instrumen pembangunan luar bandar terpenting negara. Ia membuka peluang pemilikan tanah, meningkatkan taraf hidup masyarakat desa dan membentuk komuniti baharu kemudiannya melahirkan generasi profesional, usahawan dan pemimpin.

Hari ini, dengan ratusan rancangan FELDA di seluruh negara, nasib peneroka dan generasi baharu kekal mempunyai kepentingan besar kepada pembangunan ekonomi dan sosial Malaysia.

Dalam ucapannya, Anwar secara terbuka mengakui FELDA menanggung masalah legasi berat akibat keputusan dan kelemahan pengurusan terdahulu.

Beliau mahu pengurus FELDA memahami beban sedang ditanggung institusi itu supaya mereka dapat menjelaskan keadaan sebenar kepada peneroka dan tidak terpengaruh dengan gambaran masalah itu kecil atau sudah selesai.

Antara contoh paling besar dibangkitkan ialah pelaburan FELDA dalam Eagle High Plantations di Indonesia. Menurut Anwar, masalah berkaitan pelaburan berkenaan kini masih berdepan proses perundangan pada peringkat tertinggi di Indonesia.

Elak FELDA alami kerugian lebih besar

Sekiranya tidak ditangani dengan baik, FELDA berdepan kemungkinan kerugian sekitar RM2.5 bilion sedangkan jumlah mungkin dapat diperoleh semula hanyalah sekitar RM200 juta.

Apa yang lebih penting, Perdana Menteri mendedahkan beliau menulis kepada Presiden Indonesia, Prabowo Subianto, meminta pemimpin republik itu memberikan perhatian terhadap permasalahan berkenaan.

Tindakan berkenaan memperlihatkan usaha menyelesaikan masalah legasi FELDA tidak dibiarkan kepada pengurusan agensi, peguam atau pegawai kerajaan, sebaliknya turut dibawa Perdana Menteri ke peringkat hubungan antara pemimpin kedua-dua negara.

Namun begitu, Anwar juga berhati-hati tidak meletakkan kesalahan masalah legasi itu di bahu pengurus FELDA di lapangan atau peneroka.

Pengurus di Pahang, Johor atau negeri lain tidak mempunyai kaitan dengan keputusan pelaburan dibuat pada peringkat tertinggi, tetapi mereka akhirnya terpaksa berdepan kesan dan persepsi daripada kegagalan berkenaan.

Sebaliknya, mesej beliau jelas, iaitu pengurus perlu memahami bagaimana keputusan pada peringkat tertinggi boleh memberi kesan kepada keseluruhan institusi.

Pemahaman itu penting supaya mereka bukan sahaja menjadi pentadbir, tetapi penghubung yang berkesan kepada masyarakat peneroka.

Komitmen kepada FELDA juga tidak terhenti pada soal menyiasat kesilapan lalu. Anwar memberi perhatian langsung kepada kebajikan mereka yang mengurus institusi berkenaan pada peringkat akar umbi.

Beliau menegaskan keperluan mempercepat pembaikan dan pembangunan perumahan pengurus serta kakitangan FELDA dengan jumlah peruntukan keseluruhan mencecah RM450 juta.

Sesi dialog itu juga memperlihatkan kesediaan Perdana Menteri mendengar masalah secara langsung daripada pengurus FELDA di lapangan.

Apabila seorang pengurus FELDA membangkitkan isu supaya peneroka FELDA kembali diberi akses kepada insentif tanam semula bagi mengurangkan kos tanam semula sawit, Anwar meminta tempoh dua minggu supaya perkara itu diteliti bersama Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kewangan serta pengurusan FELDA sebelum keputusan dibuat.

Begitu juga apabila seorang lagi pengurus membangkitkan kos menangani serangan ulat pemakan daun pada kelapa sawit, menurutnya boleh mencecah RM950 bagi satu pusingan rawatan dan kadangkala memerlukan sehingga tiga pusingan.

Anwar bersetuju perkara itu perlu diteliti, malah mengaitkannya dengan keperluan negara meningkatkan semula pengeluaran getah asli tempatan ketika Malaysia kini terpaksa mengimport getah bernilai berbilion ringgit setahun.

Seorang lagi pengurus membangkitkan kekangan pemilikan tanah, kebenaran merancang dan penyelarasan antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri yang boleh menambatkan pelaksanaan projek perumahan berkenaan.

Anwar menyatakan isu berkenaan akan dibawa ke mesyuaratnya bersama Menteri-Menteri Besar, Premier dan Ketua Menteri, termasuk isu kelulusan tanah dan bekalan air.

Sekiranya perlu, beliau bersedia menulis lebih awal kepada kerajaan negeri bagi mempercepat proses berkenaan.

Isu penyelarasan antara institusi pula dibangkitkan seorang pengurus mencadangkan supaya hubungan antara FELDA dan FGV diselaraskan dengan lebih baik dalam aspek pelaburan, operasi, tadbir urus dan tatakelola bagi menghasilkan nilai lebih besar kepada peneroka.

Permohonan baiki jalan diteliti

Beliau turut memohon peruntukan bagi membaiki jalan pertanian di kawasan ladang. Anwar meminta supaya implikasi kos dan peraturan berkaitan diteliti dalam tempoh dua minggu sebelum sebarang keputusan dibuat.

Seorang pengurus dari Sabah membangkitkan nasib generasi baharu FELDA di negeri itu, dengan memohon supaya program perumahan generasi baharu dilaksanakan di Semenanjung turut diperluaskan ke Sabah.

Pengurus terbabit turut meminta campur tangan kerajaan dalam isu peraturan tanah negeri yang berbeza berkaitan cadangan pembinaan dua rumah dalam satu tapak.

Anwar menyatakan kesediaannya menghubungi Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor, bagi mendapatkan kerjasama kerajaan negeri.

Keseluruhan dialog ini menunjukkan pemulihan FELDA tidak boleh bergantung kepada satu agensi semata-mata. Sebagaimana ditegaskan Anwar, pendekatan rentas kementerian penting supaya FELDA tidak bergerak secara terasing, sebaliknya memperoleh manfaat daripada keseluruhan jentera kerajaan.

FELDA mesti menjadi sebahagian daripada keseluruhan kekuatan kerajaan, bukan sebuah 'pulau' terasing.

Akhirnya, ukuran kepada komitmen kerajaan terhadap FELDA terletak pada tiga perkara, iaitu keberanian membersihkan masalah legasi, kesediaan mendengar masalah akar umbi dan keupayaan memastikan keputusan dilaksanakan dengan cepat.

Rulah tuntutan selari dengan amanah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim terhadap ketelusan dan tindakan tegas.

FELDA terlalu penting kepada negara untuk terus dibebani kesilapan masa lalu. Memulihkannya bermakna bukan sahaja menjaga sebuah institusi, tetapi mempertahankan satu warisan pembangunan negara dan memastikan peneroka serta generasi FELDA terus mempunyai tempat bermaruah dalam masa depan Malaysia.



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	New Straits Times
TAJUK	FELDA forensic audit on Cabinet agenda
PAUTAN	https://tinyurl.com/68vhbff5

TROUBLED FINANCES

Felda forensic audit on cabinet agenda

SERDANG: The proposal for a forensic audit to uncover alleged wrongdoing at the Federal Land Development Authority (Felda) is headed for the cabinet, as the government moves to scrutinise the agency's troubled finances and past management.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the cabinet would discuss the proposal raised by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"We will bring it for discussion at the cabinet," he said after the national-level Maulidur Rasul celebration yesterday.

Zahid had called for a forensic audit to thoroughly examine any suspected abuse of power, breach of trust or governance failures at Felda, saying those responsible should face court action if there was sufficient evidence.

Anwar had said Felda was saddled with nearly RM10 billion in debts and losses following years of management failures and excessive political interference.

He said the agency, once among the world's largest plantation organisations and generating billions of ringgit in annual profits, had seen its financial position deteriorate significantly.

The government now spends RM980 million annually to meet Felda's financial obligations arising from losses under its previous management.

On Friday, Anwar said a task force investigating Felda's management had begun work and he would await its full findings before making an announcement.

The task force is examining Felda's past problems, current management and future direction, with its findings to be made public upon completion.



The government now spends RM980 million annually to meet the Federal Land Development Authority's financial obligations arising from losses under its previous management. NSTP FILE PIC

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	FELCRA Pahang sumbang Smart TV kepada SMK Damak
PAUTAN	https://tinyurl.com/673kpv8p

Felcra Pahang sumbang Smart TV kepada SMK Damak

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusanpelajar@mediamulia.com.my

SERAMAI 466 orang pelajar memperoleh kemudahan pembelajaran digital apabila menerima sumbangan Wakalah Zakat 2026 daripada Felcra Pahang Berhad berupa empat buah Smart TV di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Damak, Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) SMK Damak, Ahmad Faroq Fauzi berkata, sumbangan peralatan digital itu telah disempurnakan penyampaiannya oleh Pengurus Felcra Kawasan Jaya Putra, Jerantut, Mohd. Haffizee Hussin yang mewakili Pengarah Felcra Berhad Pahang kepada pentadbir sekolah tersebut.

"Sumbangan zakat dalam bentuk peralatan digital ini cukup signifikan bagi membantu memperkukuh kemudahan pembelajaran sekali gus menyokong usaha melahirkan generasi yang berilmu serta berdaya saing pada masa akan datang.

"Bagi AJK PIBG serta guru sangat mengalukan sumbangan atau bantuan pihak luar dalam usaha memantap aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi membentuk kemenjadian pelajar sekolah ini yang terdiri daripada pelajar Melayu, Cina, India dan Orang Asli," katanya di SMK Damak, Jerantut.

Yang turut hadir sempena majlis tersebut, iaitu Penghulu Mukim Ulu Cheka, Khairul Akhma Yussof.

Ujarnya, semoga kerjasama erat serta sokongan kalangan agensi kerajaan, institusi pendidikan, PIBG dan komuniti setempat secara langsung dapat menjana kemajuan SMK Damak dalam bidang akademik, koakademik, kokurikulum dan pembinaan insan.



MOHD. Haffizee Hussin (depan, dua dari kanan) menyampaikan replika Smart TV wakalah zakat Felcra Pahang Berhad kepada pentadbir sekolah yang turut disaksikan oleh Ahmad Faroq Fauzi (kiri) di Sekolah Menengah Kebangsaan Damak, Jerantut, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 OGOS 2026 (RABU)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Cadangan audit forensik FELDA dibawa ke Kabinet
PAUTAN	https://tinyurl.com/3asvr2uk



Cadangan supaya audit forensik dijalankan terhadap Felda akan dibawa ke mesyuarat Kabinet

*Muka*surat 4

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Cadangan audit forensik FELDA dibawa ke Kabinet
PAUTAN	https://tinyurl.com/5fehex3h

KERUGIAN RM10B

Cadangan audit forensik FELDA dibawa ke Kabinet

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Serdang

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan cadangan audit forensik membabitkan kerugian FELDA akan dibawa ke Kabinet untuk dibincangkan.

Ia berdasarkan cadangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bagi mengenal pasti dalang yang mengakibatkan FELDA menanggung kerugian hampir RM10 bilion.

"Perkara itu kita akan bawa ke kabinet," kata Anwar ketika ditemui pemberita pada majlis sambutan Maulidur Rasul 2026 peringkat kebangsaan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Terdahulu, media melaporkan Ahmad Zahid menegaskan bahawa audit forensik perlu dibuat bagi mengenal pasti dalang sebenar yang mengakibatkan FELDA menanggung kerugian hampir RM10 bilion.



Ahmad Zahid memaklumkan tanggungjawab melaksanakan perkara itu terletak pada Perdana Menteri, biarpun bekas Pengerusi FELDA sudahpun menjalani hukuman.

Pada 21 Ogos lalu, Anwar dilaporkan berkata, akan menunggu laporan lengkap Pasukan Petugas Khas yang menyiasat isu pengurusan FELDA sebelum membuat sebarang pengumuman rasmi.

Katanya, pasukan terbabit sudah memulakan tugas dan dapatan siasatan dijangka dibentangkan dalam tempoh terdekat selain laporannya akan didedahkan kepada umum sejurus dimuktamadkan nanti.

Sebelum ini, media memaklumkan bahawa laporan Pasukan Petugas Khas berkaitan FELDA dijangka siap dalam tempoh beberapa bulan lagi sebelum didedahkan kepada umum.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Badan khas siasat TH selepas 2017
PAUTAN	https://tinyurl.com/ajjffv6r

Badan khas siasat TH selepas 2017

- **Ahmad Zahid setuju PAC jalankan siasatan**
- **Perjelas berdasarkan fakta, perbetul persepsi**



AHMAD ZAHID pada Forum Musyawarah Nasional 2.0 - Realiti dan Persepsi: Jangan Mempolitikkan TH di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi bersetuju dengan cadangan supaya Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menubuhkan badan khas di bawahnya bagi menjalankan siasatan terhadap pengurusan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi tempoh selepas 2017 sehingga kini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, siasatan itu penting bagi memperjelas perkara yang berlaku selepas 2017 berdasarkan fakta dan realiti, sekali gus membantu membetulkan persepsi masyarakat berhubung isu pengurusan serta tadbir urus TH.

Beliau berkata, cadangan itu dikemukakan secara tidak formal oleh beberapa Ahli Parlimen yang hadir pada forum 'Realiti dan Persepsi: Jangan Mempolitikkan Tabung Haji' pada Musyawarah Nasional yang bertujuan mengupas dan memperjelas aspek tadbir urus serta pengurusan TH, khususnya perkara dibangkitkan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi tempoh 2014 hingga 2020.

"Pada hemat saya, perkara ini satu saranan yang harus dikuti agar tidak ada tuduhan 'penyakatuan', sebaliknya sijil dikeluarkan Jabatan Audit Negara (JAN) yang jelas memperlihatkan bahawa sijil bersih telah dikeluarkan menunjukkan pengauditan dilakukan terhadap TH berdasarkan aktanya, dan Akta Tabung Haji 1995 menyebut bahawa badan audit yang harus melakukan pengauditan ialah JAN.

"Inilah yang harus dilihat oleh PAC agar duduk perkara ini dapat membetulkan persepsi dan berdasarkan realiti yang mahu diketahui oleh khalayak umum," katanya di sini semalam.

Mengulas cadangan penubuhan RCI baharu untuk menyiasat pengurusan TH selepas 2017 hingga kini, Ahmad Zahid berkata PAC lebih sesuai menjalankan siasatan itu kerana mempunyai bidang kuasa yang jelas untuk berbuat demikian. – BERNAMA

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Audit forensik FELDA dibincang
PAUTAN	https://tinyurl.com/5b9yw8pz

Audit forensik Felda dibincang

- **PM akan bawa dalam mesyuarat Jemaah Menteri**
- **Kenal pasti salah guna kuasa, pecah amanah dan isu tatakelola**



FELDA didakwa mengalami kerugian hampir RM10 bilion akibat salah urus dan campur tangan politik berlebihan.

SERDANG – Cadangan supaya audit forensik dijalankan terhadap pengurusan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) akan dibawa ke mesyuarat Kabinet untuk dibincangkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita akan bawa (perkara ini) ke (mesyuarat) Kabinet (untuk) dibincangkan," katanya ringkas kepada media selepas menghadiri Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Anwar berkata demikian ketika ditanya mengenai saranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi supaya audit forensik dijalankan bagi mengenal pasti sama ada berlaku penyalahgunaan kuasa, pecah amanah atau pelanggaran tatakelola dalam pengurusan Felda.

Pada 23 Ogos, Ahmad Zahid menyatakan audit pengurusan sahaja tidak memadai memandangkan isu melibatkan agensi itu telah berlarutan sejak sekian lama dan mengakibatkan kerugian mencecah berbilion ringgit.

Sebelum ini, Anwar mengulas beliau akan menunggu laporan lengkap pasukan petugas khas yang menyiasat isu pengurusan Felda sebelum membuat sebarang pengumuman rasmi.

Pasukan itu telah memulakan tugas dan dapatan siasatan dijangka dibentangkan dalam masa terdekat sebelum didedahkan kepada umum sebagaimana laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Lembaga Tabung Haji.

Awal bulan ini, Anwar menyatakan Felda mengalami kerugian hampir RM10 bilion akibat salah urus dan campur tangan politik yang berlebihan.

Beliau juga dilaporkan berkata bahawa kerajaan akan mendedahkan kepada umum dalam masa terdekat laporan oleh pasukan petugas khas mengenai Felda, termasuk dapatan berhubung masalah yang diwarisi oleh agensi itu. – BERNAMA